

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[LEDANG]**

**SOALAN NO. 426**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah petani yang memiliki sijil Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) setakat ini mengikut negeri (perincian Negeri Johor mengikut daerah) dan kategori permohonan. Apakah faedah yang dinikmati oleh petani dengan memiliki sijil myGAP khususnya bagi meningkatkan pendapatan mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Pengukuhan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) telah dijenamakan semula dengan nama dan logo myGAP pada tahun 2013 sebagai pensijilan komprehensif yang diberi kepada petani, pengusaha dan penternak bagi mengiktiraf pematuhan terhadap amalan standard untuk sektor pertanian termasuk ternakan dan akuakultur.
2. Sebelum tahun 2013, ia dilaksanakan mengikut komoditi; Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) (2002), Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) (2003) dan Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM) (2004).

3. Sejak pelaksanaan skim ini pada tahun 2002, sebanyak 7,325 ladang telah dipersijilkan myGAP. Perincian mengikut negeri adalah seperti berikut:

BIL.	NEGERI	BILANGAN PENSIJILAN myGAP				
		TANAMAN	AKUAKULTUR	TERNAKAN	WALIT	JUMLAH
1	Johor	448	58	236	538	<b>1280</b>
2	Kedah	264	18	12	113	<b>407</b>
3	Kelantan	222	9	1	69	<b>301</b>
4	Labuan	9	0	0	24	<b>33</b>
5	Melaka	114	5	48	19	<b>186</b>
6	Negeri Sembilan	231	4	35	81	<b>351</b>
7	P. Pinang	229	44	3	106	<b>382</b>
8	Pahang	532	50	7	134	<b>723</b>
9	Perak	262	64	76	204	<b>606</b>
10	Perlis	52	1	0	57	<b>110</b>
11	Sabah	164	103	18	368	<b>653</b>
12	Sarawak	183	27	17	123	<b>350</b>
13	Selangor	1148	34	21	119	<b>1322</b>
14	Terengganu	438	13	3	167	<b>621</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>4,296</b>	<b>430</b>	<b>477</b>	<b>2,122</b>	<b>7,325</b>

4. Walau bagaimanapun, bagi negeri Johor bilangan pensijilan myGAP yang masih aktif sehingga kini adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	BILANGAN PENSIJILAN myGAP				
		TANAMAN	AKUAKULTUR	TERNAKAN	WALIT	JUMLAH
1	Batu Pahat	81	16	58	70	<b>225</b>
2	Johor Bahru	17	7	4	42	<b>70</b>
3	Kluang	39	1	43	101	<b>184</b>
4	Kota Tinggi	20	7	10	36	<b>73</b>
5	Kulai	8	0	11	36	<b>55</b>

**NO SOALAN : 426**

6	Mersing	23	1	1	51	<b>76</b>
7	Muar	28	0	20	54	<b>102</b>
8	Pontian	35	10	41	25	<b>111</b>
9	Segamat	18	0	4	93	<b>115</b>
10	Tangkak	126	0	3	30	<b>159</b>
11	Ledang	0	0	12	0	<b>12</b>
12	Simpang Renggam	0	0	9	0	<b>9</b>
13	Yong Peng	0	0	20	0	<b>20</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>395</b>	<b>42</b>	<b>236</b>	<b>538</b>	<b>1,211</b>

5. Pensijilan myGAP adalah pensijilan yang mengiktiraf ladang-ladang yang mengamalkan amalan pertanian baik. Justeru itu, faedah myGAP bagi meningkatkan pendapatan petani adalah seperti berikut:

- (i) Menerusi pematuhan garis panduan amalan pertanian baik, kuantiti dan kualiti pengeluaran dapat dipertingkatkan di samping mengurangkan kos terutamanya bagi bahan input pertanian serta mengawal serangan perosak dan penyakit yang boleh menjejaskan hasil bagi ladang berkenaan;
- (ii) Pengeluaran hasil yang berkualiti dan bertaraf premium mampu menawarkan harga pasaran yang lebih kompetitif berbanding produk yang tidak mempunyai pensijilan myGAP;
- (iii) Memberi peluang kepada petani untuk meneroka dan bersaing ke pasaran antarabangsa dan bukannya tertumpu di pasaran domestik sahaja; dan
- (iv) Membantu petani meluaskan peluang pasaran selari dengan kehendak pengguna yang ingin mendapatkan bahan makanan yang selamat dimakan.

Sekian, terima kasih.